



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KOMPETENSI PENSYARAH POLITEKNIK DAN
KOLEJ KOMUNITI (POLYCC) SEBAGAI MENTOR
USAHAWAN PEMULA BAGI KELESTARIAN
PERNIAGAAN PELAJAR
DI MALAYSIA**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NORAINI BTE HASHIM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KOMPETENSI PENSYARAH POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
(POLYCC) SEBAGAI MENTOR USAHAWAN PEMULA BAGI
KELESTARIAN PERNIAGAAN PELAJAR
DI MALAYSIA**

NORAINI BTE HASHIM

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 22.....(hari bulan).....8..... (bulan) 20..25..

i. Perakuan pelajar :

Saya, NORAINI BTE HASHIM P20221000068 FAKULTI PENGURUSAN & EKONOMI (FPE) (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk

KOMPETENSI PENSYARAH POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (POLYCC) SEBAGAI MENTOR USAHAWAN PEMULA BAGI KELESTARIAN PERNIAGAAN PELAJAR DI MALAYSIA

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. HARIYATY BINTI AB WAHID (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk

KOMPETENSI PENSYARAH POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (POLYCC) SEBAGAI MENTOR USAHAWAN PEMULA BAGI KELESTARIAN PERNIAGAAN PELAJAR DI MALAYSIA

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah DOKTOR FALSAFAH (KEUSAHAWANAN) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

22/8/2025

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KOMPETENSI PENSYARAH POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (POLYCC)
SEBAGAI MENTOR USAHAWAN PEMULA BAGI KELESTARIAN
PERNIAGAAN PELAJAR DI MALAYSIA

No. Matrik / Matric's No.: P20221000068

Saya / I : NORAINI BTE HASHIM

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
 acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


 (Tandatangan Pelajar/ Signature)


 Associate Professor Dr. Haniyati binti Ab Wahid
 Department of Business Management and Entrepreneurship
 Faculty of Management and Economics
 (Tandatangan Penyelidik / Signature of Supervisor)
 & (Nama & Copi Rasmi Nama & Official Stamp)

Tarikh: 22/8/2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izinNya tesis ini telah berjaya disiapkan dalam tempoh pengajian bermula pada Oktober 2022. Sepanjang usaha mengumpul bahan penyelidikan dan menyiapkan dokumentasi, penyelidikan ini telah menerima bantuan secara langsung dan tidak langsung daripada pelbagai pihak. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada **Profesor Madya Dr. Hariyaty binti Ab Wahid** selaku penyelia yang sangat banyak memberikan panduan dan nasihat, bimbingan yang mendalam, serta kepakaran beliau yang sangat berharga sepanjang proses penulisan tesis ini. Beliau telah memberikan motivasi dan dorongan yang amat bermakna, mendorong saya untuk berusaha mencapai tahap terbaik dalam penghasilan tesis ini. Seterusnya, pensyarah-pensyarah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang berkongsi ilmu dan memberikan tunjuk ajar; serta pensyarah-pensyarah pakar dari pelbagai universiti awam tempatan dan antarabangsa yang bertindak sebagai penilai *inter-rater* soal selidik dan tema dapatan bagi penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) terutama pihak pengurusan biasiswa KPT, pentadbiran JPPKK, FPE dan Institut Pengajian Siswazah (IPS), UPSI yang menyediakan banyak bantuan berkaitan pengurusan pengajian saya, serta responden dan informan yang menyumbang maklumat berharga di dalam penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan semangat dan membantu dalam pengajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada ayahanda Hashim bin Ali dan bonda Siti binti Saniran yang sentiasa memberikan sokongan, doa dan kasih sayang yang tidak terhingga. Terima kasih juga kepada anak-anak tersayang, Nur Syafiqah, Syafiq Aiman, Syahid Nuqman, dan Syahmi Naiman yang menjadi sumber kekuatan sepanjang perjalanan ini, serta adik-beradik dan sahabat-sahabat karib yang sentiasa memberikan dorongan.





ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk meneroka personaliti, pengalaman, kemahiran, pengetahuan, dan sumber aspirasi pensyarah sebagai mentor usahawan di Politeknik dan Kolej Komuniti (PolyCC) bagi membangunkan kerangka kompetensi yang menyokong kejayaan usahawan pelajar. Reka bentuk penyelidikan adalah kualitatif, menggunakan temu bual separa berstruktur yang disahkan oleh empat pakar dengan nilai *Cohen's Kappa* 1.0. Sampel kajian adalah pensyarah PolyCC yang menjadi finalis Anugerah Mentor Keusahawanan Terbaik, Anugerah Keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi (AKKPT) 2015-2021, dan tiga menti bagi tujuan triangulasi. Teknik persampelan bertujuan digunakan kerana pemilihan peserta dibuat secara khusus berdasarkan pengalaman dan pengiktirafan mereka dalam bidang pementoran keusahawanan. Data dianalisis secara tematik menggunakan ATLAS.ti 9 untuk mengenal pasti corak, tren, dan interaksi dalam data, dengan nilai kebolehppercayaan antara penilai (*Cohen's Kappa*) sebanyak 0.99. Hasil penyelidikan mendapati bahawa elemen personaliti iaitu altruisme, dan *enthusiasm* telah dikenalpasti dalam kalangan semua responden, manakala harmonisme hanya ditemui pada sebahagian responden. Pengalaman pementoran dan perniagaan menunjukkan kepentingan pendekatan yang pelbagai iaitu adaptasi, imitasi, dan aplikasi pengalaman perniagaan dan pementoran dalam menyokong kelestarian perniagaan menti. Kemahiran komunikasi berkesan, membina jaringan perniagaan, dan penggunaan teknologi digital adalah elemen kompetensi kemahiran yang membantu kelestarian perniagaan menti. Pengetahuan keusahawanan yang dimiliki pensyarah diperoleh melalui kelulusan formal akademik dan pembelajaran sendiri, manakala elemen psikospiritual seperti *taklif*, *ihsan*, *itqan* dan *istiqamah* turut mendorong komitmen tinggi mereka dalam melaksanakan peranan sebagai mentor. Secara keseluruhannya, dapatan penyelidikan membentuk lima elemen utama dalam kerangka kompetensi yang dihasilkan iaitu i) personaliti (altruisme, *enthusiasm*, dan harmonisme), ii) pengalaman berniaga (adaptasi, imitasi, dan aplikasi pengalaman), iii) kemahiran (pementoran dan perniagaan), iv) pengetahuan (keusahawanan), dan v) psikospiritual Islam (*taklif*, *ihsan*, *itqan*, dan *istiqamah*). Model kerangka kompetensi ini diharapkan dapat dijadikan panduan oleh pensyarah institusi pengajian tinggi (IPT) dan pihak berkepentingan seperti Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dalam memperkasakan program pementoran keusahawanan dalam kalangan pelajar.





COMPETENCIES OF POLYTECHNIC AND COMMUNITY COLLEGE (POLYCC) LECTURERS AS MENTORS OF START-UP ENTREPRENEURS FOR STUDENT BUSINESS SUSTAINABILITY IN MALAYSIA

ABSTRACT

This study aims to explore the personality, experience, skills, knowledge, and sources of aspiration of lecturers as entrepreneurial mentors in Malaysian Polytechnics and Community Colleges (PolyCC) to develop a competency framework that supports student entrepreneurs' business success. The research design is qualitative, employing semi-structured interviews validated by four experts with a Cohen's Kappa value of 1.0. The sample consists of PolyCC lecturers who were finalists for the Best Entrepreneurship Mentor Award under the Ministry of Higher Education (2015–2021), along with three mentees for triangulation. Purposive sampling was employed, as participants were deliberately selected based on experience and recognition in entrepreneurship mentoring. Data were analyzed thematically using ATLAS.ti 9 to identify patterns, trends, and interactions, achieving inter-rater reliability with a Cohen's Kappa of 0.99. Findings reveal that altruism and enthusiasm emerged consistently as personality traits across respondents, while harmonism was found only among some. Mentoring and business experiences highlight the importance of diverse approaches, adaptation, imitation, and application of entrepreneurial and mentoring practices in sustaining mentees' businesses. Regarding skills, effective communication, business networking, and digital technology are key mentor competencies that enhance mentees' business sustainability. Entrepreneurial knowledge was obtained through formal academic qualifications and self-learning. Meanwhile, Islamic psychospiritual values, *taklif* (responsibility), *ihsan* (benevolence), *itqan* (excellence), and *istiqamah* (steadfastness) were identified as drivers of lecturers' strong commitment in fulfilling their mentoring role. Overall, the findings establish five main elements in the proposed competency framework: (i) personality (altruism, enthusiasm, harmonism), (ii) entrepreneurial experience (adaptation, imitation, application), (iii) skills (mentoring and business), (iv) knowledge (entrepreneurship), and (v) Islamic psychospiritual values (*taklif*, *ihsan*, *itqan*, *istiqamah*). This competency framework is expected to serve as a reference for higher education lecturers and stakeholders, including the Ministry of Higher Education (MOHE) and Department of Polytechnic and Community College Education (JPPKK), in strengthening entrepreneurship mentoring programs for students.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xix
SENARAI RAJAH	xxii
SENARAI SINGKATAN	xxv
SENARAI LAMPIRAN	xxvi

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Penyelidikan	2
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Tujuan Penyelidikan / Kenyataan Tesis	8
1.5 Objektif Penyelidikan	8
1.6 Persoalan Penyelidikan	9
1.7 Kerangka Konseptual Penyelidikan	9
1.8 Definisi Operasional	16
1.9 Batasan Penyelidikan	26

1.10 Kepentingan Penyelidikan	27
1.11 Rumusan	30

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	31
2.1.1 Pendidikan Keusahawanan	33
2.2 Mentor	34
2.3 Pementoran	35
2.3.1 Pementoran Usahawan	37
2.3.2 Kepentingan Pementoran Usahawan	40
2.4 Teori Kompetensi	46
2.4.1 Kompetensi Mentor	48
2.4.2 Kompetensi Mentor Usahawan	49
2.4.2.1 Model Kompetensi <i>Iceberg</i>	50
2.4.2.2 Model Segi Tiga Kompetensi Mentor	52
2.4.3 Perbandingan Model Standard Kompetensi Mentor Usahawan di IPT	57
2.4.3.1 Malaysia	57
2.4.3.2 China	59
2.4.3.3 Amerika Syarikat (US)	60
2.4.3.4 United Kingdom (UK)	61
2.4.3.5 Analisis Model Standard Kompetensi Mentor Usahawan IPT di Malaysia, UK, US dan China	64
2.4.4 Kepentingan Kompetensi dalam Pementoran Usahawan	66
2.4.5 Kompetensi Mentor Usahawan	67

2.4.5.1 Personaliti Lima Utama	68
i) Neurotisme (<i>Neuroticism</i>)	69
ii) Ekstraversi (<i>Extraversion</i>)	70
iii) Keserasian (<i>Agreeableness</i>)	71
iv) Keterbukaan (<i>Openness</i>)	72
v) Ketelitian (<i>Conscientiousness</i>)	73
vi) Penyelidikan Berkaitan Kompetensi Personaliti	74
2.4.5.2 Pengalaman	76
i) Pengalaman Keusahawanan	76
ii) Pengalaman Pementoran	78
iii) Penyelidikan Berkaitan Kompetensi Pengalaman	79
2.4.5.3 Kemahiran	80
i) Kemahiran Keusahawanan	80
ii) Kemahiran Pementoran	82
iii) Penyelidikan Berkaitan Kompetensi Kemahiran	83
2.4.5.4 Pengetahuan	84
i) Penyelidikan Berkaitan Kompetensi Pengetahuan	87
2.5 Teori Pementoran	88
2.5.1 Pementoran	88
2.5.2 Pementoran Usahawan	90
2.6 Psikospiritual Islam Dalam Pementoran	91
2.7 Nilai Islam Dalam Pementoran	93
2.7.1 <i>Ihsan</i>	94

2.7.2	<i>Itqan</i>	96
2.7.3	<i>Istiqamah</i>	99
2.7.4	<i>Taklif</i>	100
2.8	Rumusan	101

BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Pendahuluan	102
3.2	Paradigma Penyelidikan	103
3.2.1	Falsafah Penyelidikan	104
3.2.2	Ontologi Penyelidikan	104
3.2.3	Epistemologi Penyelidikan	105
3.2.4	Aksiologi Penyelidikan (Nilai Penyelidikan)	107
3.2.5	Ufuk Masa	108
3.2.6	Justifikasi Pemilihan Paradigma Penyelidikan	109
3.3	Reka Bentuk Penyelidikan	111
3.3.1	Asas Penyelidikan Kualitatif	117
3.3.2	Justifikasi Pemilihan Reka Bentuk Kualitatif	118
3.3.3	Pendekatan Fenomenologi	121
3.3.4	Justifikasi Pemilihan Pendekatan Fenomenologi	122
3.3.5	Unit Analisis	125
3.3.6	Pemilihan Sampel	125
3.3.7	Kriteria Sampel	128
3.4	Pengumpulan Data	129



3.4.1	Protokol Temu Bual	130
3.4.2	Penyelidikan Rintis	134
3.4.2.1	Pengesahan Instrumen	135
3.4.2.2	Temu Bual Rintis	140
3.4.3	Proses Pengumpulan Data	144
3.4.4	Ketepuan Data	150
3.5	Analisis Data	152
3.5.1	Proses Transkripsi Data	152
3.5.2	Pengurusan dan Penyimpanan Data	153
3.5.2.1	ATLAS.ti 9	154
3.5.3	Prosedur Analisis Data (Tematik Analisis)	155
3.5.3.1	Membiasakan Dengan Data	158
3.5.3.2	Pengekodan Awal	160
3.5.3.3	Pencarian Tema	162
3.5.3.4	Penyemakan Tema	163
3.5.3.5	Penamaan dan Definisi Tema	164
3.5.3.6	Penyusunan Laporan	169
3.5.4	Kaedah Analisis Dokumen	170
3.6	Kebolehpercayaan Penyelidikan (<i>Research Trustworthiness</i>)	173
3.6.1	Kesahan Dalam (Kredibiliti)	175
3.6.1.1	Triangulasi Data	175
	i) Temu Bual Bersama Menti	177
	ii) Analisis Dokumen MEA 2021	177
	iii) Catatan Nota Lapangan	178
3.6.1.2	Pengurungan (<i>Bracketing</i>) /	181



Flesibiliti Penyelidik

3.6.1.3 Pengesahan Oleh Responden (<i>Member Check</i>)	185
3.6.2 Kebolehpercayaan (<i>Reliability</i>) Penyelidikan	186
3.6.2.1 Protokol Temu Bual Separa Struktur	187
3.6.2.2 Strategi Pengekodan Semula (<i>Code-Recode</i>)	198
3.6.2.3 Kebolehpercayaan Antara Penilai (<i>Inter-rater Reliability</i>)	202
i) Indeks Persetujuan Koefisien (<i>Cohen's Kappa</i>)	204
3.6.2.4 Jejak Audit	205
3.6.3 Kesahan Luaran (Kebolehpindaan) Penyelidikan	208
3.6.3.1 Konsultansi Bersama Pakar	208
i) Mengenal Pasti Pakar	210
ii) Persediaan Sebelum Konsultansi	210
iii) Sesi Konsultansi	210
iv) Mengemukakan Soalan dan Menerima Pandangan	211
3.6.3.2 Penerangan Dapatan Penyelidikan Secara Terperinci	213
3.6.3.3 Persampelan Bertujuan	214
3.7 Kredibiliti, Kebolehpercayaan dan Kebolehpindahan Dapatan	215
3.8 Etika Penyelidikan	217
3.9 Penulisan Dapatan	219
3.10 Rumusan	220

BAB 4 DAPATAN PENYELIDIKAN

4.1	Pendahuluan	222
4.2	Analisis Demografik Responden Dan Informan	224
4.3	Kebolehpercayaan Dapatan	227
4.4	Persoalan Penyelidikan Pertama: Bagaimanakah Personaliti Pensyarah Sebagai Mentor Usahawan Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?	232
4.4.1	Tema: Altruisme, <i>Enthusiasm</i> dan Harmonisme	233
4.4.2	Altruisme dalam Kestabilan Emosi	237
4.4.3	Altruisme dan <i>Enthusiasm</i> Dalam Ekstraversi	241
4.4.4	Altruisme dalam Keterbukaan	245
4.4.5	Altruisme dan Harmonisme dalam Keserasian	257
4.4.6	Altruisme Dalam Ketelitian / Ketekunan	263
4.4.7	Rumusan Dapatan Persoalan Penyelidikan Pertama	264
4.5	Persoalan Penyelidikan Kedua: Bagaimanakah Pensyarah Menggunakan Pengalaman, Semasa Pementoran Usahawan Pemula Bagi Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?	277
4.5.1	Mengaplikasikan Pengalaman Perniagaan	280
4.5.2	Imitasi Pengalaman Usahawan Lain	285
4.5.3	Mengadaptasi Pengalaman Mentor Lain	290
4.5.4	Rumusan Dapatan Persoalan Penyelidikan Kedua	293
4.6	Persoalan Penyelidikan Ketiga: Bagaimanakah Pensyarah Menggunakan Kemahiran, Semasa Pementoran Usahawan Pemula Bagi Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?	309
4.6.1	Kemahiran	302



4.6.1.1	Kemahiran Pementoran	304
i)	Kemahiran Komunikasi	304
ii)	Kemahiran Mengenal pasti Kekuatan Menti	308
4.6.1.2	Kemahiran Perniagaan	311
i)	Kemahiran Menjalinkan Rangkaian Perniagaan	311
ii)	Kemahiran Teknologi untuk Pemasaran Digital	317
4.6.2	Rumusan Dapatan Persoalan Penyelidikan Ketiga	320
4.7	Persoalan Penyelidikan Keempat: Bagaimanakah Pensyarah Menggunakan Pengetahuan, Semasa Pementoran Usahawan Pemula Bagi Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?	328
4.7.1	Rumusan Dapatan Persoalan Penyelidikan Keempat	333
4.8	Persoalan Penyelidikan Kelima: Bagaimanakah Pensyarah Menggunakan Psikospiritual Islam, Semasa Pementoran Usahawan Pemula Bagi Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?	336
4.8.1	<i>Taklif</i>	341
4.8.2	<i>Ihsan</i>	344
4.8.3	<i>Itqan</i>	346
4.8.4	<i>Istiqamah</i>	351
4.8.5	Rumusan Dapatan Persoalan Penyelidikan Kelima	353
4.9	Persoalan Penyelidikan Keenam: Apakah Kerangka Model Kompetensi Mentor Usahawan Pemula Dalam Kalangan Pensyarah?	358
4.9.1	Personaliti	358
4.9.1.1	Altruisme	358





4.9.1.2	<i>Enthusiasm</i>	359
4.9.1.3	Harmonisme	359
4.9.2	Pengalaman	360
4.9.2.1	Pengalaman Perniagaan	361
i)	Adaptasi pengalaman mentor lain (triad mentor)	361
ii)	Imitasi pengalaman usahawan lain	361
iii)	Aplikasi pengalaman sendiri	362
4.9.2.2	Pengalaman Pementoran	362
4.9.3	Kemahiran	363
4.9.3.1	Kemahiran Pementoran	363
i)	Komunikasi dan mengenalpasti kelebihan mentee	363
ii)	Mengenal pasti kekuatan dan potensi usahawan pemula	364
4.9.3.2	Kemahiran Perniagaan	364
i)	Kemahiran menjalinkan jaringan perniagaan	364
ii)	Kemahiran menggunakan teknologi dan digital	365
4.9.4	Pengetahuan	365
4.9.5	Psikospiritual Islam	367
4.9.5.1	<i>Taklif</i>	367
4.9.5.2	<i>Ihsan</i>	368
4.9.5.3	<i>Itqan</i>	369
4.9.5.4	<i>Istiqamah</i>	371
4.10	Rumusan	375



BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	376
5.2	Ringkasan Penyelidikan	377
5.3	Perbincangan	379
5.3.1	Persoalan Penyelidikan Pertama: Bagaimanakah Personaliti Pensyarah Sebagai Mentor Usahawan Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?	379
5.3.1.1	Altruisme, <i>Enthusiasm</i> Dan Harmonisme Dalam Personaliti Pensyarah Sebagai Mentor Usahawan	388
i)	Altruisme	388
ii)	<i>Enthusiasm</i>	390
iii)	Harmonisme	393
5.3.2	Persoalan Penyelidikan Kedua: Bagaimanakah Pensyarah Menggunakan Pengalaman, Semasa Pementoran Usahawan Pemula Bagi Menyumbang Kepada Kelestarian Kelestarian Menti?	400
5.3.3	Persoalan Penyelidikan Ketiga: Bagaimanakah Pensyarah Menggunakan Kemahiran, Semasa Pementoran Usahawan Pemula Bagi Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?	407
5.3.4	Persoalan Penyelidikan Keempat: Bagaimanakah Pensyarah Menggunakan Pengetahuan, Semasa Pementoran Usahawan Pemula Bagi Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?	412
5.3.5	Persoalan Penyelidikan Kelima: Bagaimanakah Pensyarah Menggunakan Psikospiritual Islam, Semasa Pementoran Usahawan Pemula Bagi Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?	417
5.3.5.1	<i>Taklif</i>	419
5.3.5.2	<i>Ihsan</i>	424



5.3.5.3	<i>Itqan</i>	427
5.3.5.4	<i>Istiqamah</i>	431
5.3.3.5	Psikospiritual Islam	434
5.3.6	Persoalan Penyelidikan Keenam: Apakah Kerangka Model Kompetensi Mentor Usahawan Pemula dalam Kalangan Pensyarah?	438
5.4	Implikasi Penyelidikan	444
5.4.1	Sumbangan Teori	445
5.4.1.1	Model Rangka Kerja Kompetensi Pensyarah Sebagai Mentor Usahawan Pemula	446
5.4.1.2	Diagram Sinergi Pementoran Keusahawanan (DSPK)	451
i)	Kotak Mentor: Memastikan Menti Terus Terinspirasi (T)	454
ii)	Kotak Menti: Memastikan Menti Mempunyai Minat (M)	455
iii)	Kotak Jaringan: Memastikan Menti Sentiasa Maklum (M)	456
iv)	Kotak Perancangan dan Tindakan: Memastikan Menti Sentiasa Terlibat (T)	457
5.4.2	Sumbangan Praktikal	459
5.4.2.1	Prosedur Operasi Standard (SOP) Inkubator dan Pementoran Usahawan PolyCC	460
5.4.2.2	Prosedur Operasi Standard (SOP) Kebenaran Berniaga PPPT(DH)	461
5.5	Kebolehpindaan Dapatan Penyelidikan	462
5.6	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	465
5.7	Kesimpulan	467



RUJUKAN	471
LAMPIRAN	513



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1	Formulasi Teori Kompetensi Mentor Usahawan 14
2.1	Analisis Tren Jumlah Graduan Yang Tidak Bekerja di Malaysia 41
2.2	Konsep-Konsep Kompetensi 48
2.3	Analisis Model Standard Kompetensi Mentor Usahawan 65
2.4	Fungsi Mentor Daripada Pelbagai Penyelidik 89
3.1	Dimensi Perbandingan Pendekatan Penyelidikan Dalam Penyelidikan Kualitatif 114
3.2	Perbezaan Antara Deduktif, Induktif dan Abduktif 115
3.3	Ciri-Ciri Keusahawanan dan Kesesuaian Pendekatan Penyelidikan Kualitatif 121
3.4	Senarai Pakar Penilai Instrumen Penyelidikan 135
3.5	Pengiraan Nilai Persetujuan <i>Cohen's Kappa</i> Antara Pakar Penilai 138
3.6	Komen dan Tindakan Terhadap Instrumen Protokol Temu Bual 139
3.7	Penambahbaikan Instrumen Penyelidikan Setelah Temu Bual Rintis 142
3.8	Cadangan Saiz Sampel Ketepuan 152
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Penyelidikan 176
3.10	Senarai Item <i>Bracketing</i> (Pengekangan) 184
3.11	Proses Pengurangan (<i>Bracketing</i>) 185
3.12	Protokol Sebelum, Semasa dan Selepas Temu Bual 192
3.13	Instrumen Temu Bual Separa (Pindaan Selepas Temu Bual Rintis) 195
3.14	Senarai Penilai Yang Terlibat Di Dalam Proses Penilaian Kebolehpercayaan Antara Penilai (<i>IRR</i>). 203





3.15	Skala Persetujuan <i>Cohen's Kappa</i>	205
3.16	Data Penilaian Kebolehpindahan Bagi Dapatan Penyelidikan	213
4.1	Latar Belakang Demografi Responden	227
4.2	Latar Belakang Demografi Informan	228
4.3	Nilai Antara Penilai (<i>IRR</i>) Berdasarkan Nilai <i>Cohen's Kappa</i>	229
4.4	Jumlah Dapatan Kod	231
4.5	Soalan Sesi Temu Bual Berkaitan Elemen Personaliti	233
4.6	Tema Berkaitan Bagaimana Personaliti Pensyarah Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti	236
4.7	Senarai Kedudukan dalam Pertandingan yang Disertai oleh Menti Pada Tahun 2018-2021	250
4.8	Senarai Jumlah Pingat dan Peringkat Yang Dimenangi oleh Mentor Usahawan Terbaik PolyCC Bagi Tahun 2018-2021	256
4.9	Jumlah Geran Keusahawanan Yang Diperolehi Oleh Mentor Untuk Menti Bagi Tahun 2018-2021	262
4.10	Senarai Agensi Yang Terlibat Dengan Usahawan Pemula PolyCC	263
4.11	Persoalan Penyelidikan 1: Analisis Data Personaliti Altruisme Pensyarah Sebagai Mentor Usahawan	266
4.12	Persoalan Penyelidikan 1: Analisis Data Personaliti <i>Enthusiasm</i> Pensyarah Sebagai Mentor Usahawan	271
4.13	Persoalan Penyelidikan 1: Analisis Data Personaliti Harmonisme Pensyarah Sebagai Mentor Usahawan	275
4.14	Soalan Sesi Temu Bual Berkaitan Elemen Pengalaman	278
4.15	Tema Bagi Elemen Pengalaman	280
4.16	Pengalaman dan Minat Pensyarah Mentor Terhadap Keusahawanan	295
4.17	Persoalan Penyelidikan 2: Analisis Data Bagaimanakah Pensyarah Menggunakan Pengalaman, Semasa Pementoran Usahawan Pemula Bagi Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?	296
4.18	Soalan Sesi Temu Bual Berkaitan Elemen Kemahiran	301





4.19	Tema Bagi Elemen Kemahiran	304
4.20	Kemahiran keusahawanan Digital Yang Dimiliki Oleh Pensyarah Mentor	320
4.21	Persoalan Penyelidikan 3: Analisis Data Kemahiran Pensyarah Sebagai Mentor Usahawan	324
4.22	Soalan Sesi Temu Bual Berkaitan Elemen Pengetahuan	329
4.23	Tema Bagi Elemen Pengalaman	330
4.24	Persoalan Penyelidikan 4: Analisis Data Pengetahuan Pensyarah Sebagai Mentor Usahawan	336
4.25	Tema Bagi Elemen Psikospiritual Islam	341
4.26	Persoalan Penyelidikan 5: Analisis Data Bagaimanakah Pensyarah Menggunakan Psikospiritual Islam, Semasa Pementoran Usahawan Pemula Bagi Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?	355
4.27	Tema, Subtema Dan Elemen Yang Diperolehi Dalam Penyelidikan	375
5.1	Bagaimana Elemen Altruisme, <i>Enthusiasm</i> Dan Harmonisme Membantu Usahawan Pemula di Dalam IPT Mengekalkan Perniagaan?	398
5.2	Bagaimana Pengalaman Digunakan Dalam Pementoran Usahawan Pemula?	406
5.3	Bagaimana Kemahiran Digunakan Dalam Pementoran Usahawan Pemula di IPT?	413
5.4	Bagaimana Pengetahuan Menyumbang Dalam Kelestarian Perniagaan Usahawan Pemula?	417
5.5	Bagaimana Psikospiritual Islam Menyumbang Dalam Kelestarian Perniagaan Usahawan Pemula?	439





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Kompetensi Pensyarah	15
2.1 Model Kompetensi <i>Iceberg</i>	52
2.2 Model Kompetensi Mentor Dalam Kalangan Ahli Akademik	54
3.1 Pendekatan Induktif Dalam Penyelidikan	118
3.2 Persampelan Bagi Penyelidikan Ini	127
3.3 Ringkasan Protokol Temu Bual	130
3.4 Elemen Di Dalam Lampiran D	144
3.5 Elemen Lampiran H1	146
3.6 Elemen Lampiran I	147
3.7 Proses Pengumpulan Data Penyelidikan	149
3.8 Proses Analisis Data	157
3.9 Muat Naik Data di Dalam ATLAS.Ti 9.	159
3.10 Contoh Pengkodan Awal di Dalam ATLAS.Ti 9	162
3.11 Contoh Pencarian Tema di Dalam ATLAS.Ti 9	163
3.12 Sebahagian Daripada Petikan Kata-Kata Responden	165
3.13 Contoh Pengkelasan Subtema Yang Disusun Dalam Jadual	167
3.14 Penamaan tema menggunakan ATLAS.ti 9	168
3.15 Borang Rekod Analisis Dokumen MEA 2021	172
3.16 Contoh Catatan Nota Lapangan Yang Telah Dilaksanakan	179
3.17 Contoh Catatan Nota Lapangan	180
3.18 Keseimbangan Antara Pengalaman Lepas Dengan Tema	185





3.19	Contoh Elemen di Dalam Lampiran M	186
3.20	Borang Jejak Audit 01 (Lokasi Data-Data Mentah)	199
3.21	Borang Jejak Audit 02 (Inferens Untuk Kod / Kategori)	200
3.22	Borang Jejak Audit 03 (Tema-Tema Yang Dikenalpasti)	201
3.23	Sebahagian Elemen Lampiran N	203
3.24	Borang Jejak Audit 04 (Proses Inkuiri atau Ubahsuaian Metodologi)	206
3.25	Borang Jejak Audit 05 (Kawalan Bias Penyelidik)	207
3.26	Proses Kredibiliti, Kebolehpercayaan Dan Kebolehpindaan	216
4.1	Dapatan Penyelidikan	231
4.2	Kod Bagi Komponen Personaliti	234
4.3	Tema Bagi Komponen Personaliti	235
4.4	Kaedah Pementoran P2	245
4.5	Tema Bagi Elemen Pengalaman Berniaga	279
4.6	Kod Pencarian Tema Bagi Elemen Kompetensi Kemahiran	301
4.7	Tema Bagi Kompetensi Kemahiran	302
4.8	Jaringan Keusahawanan Responden	317
4.9	Tema Bagi Elemen Pengetahuan	329
4.10	Kod Awal bagi Psikospiritual Islam	338
4.11	Tema bagi Psikospiritual Islam	339
4.12	Penghasilan <i>taklif</i> , <i>ihsan</i> , <i>itqan</i> dan <i>istiqamah</i>	340
4.13	Pendokumentasian dan ruang kerja responden	350
4.14	Model Kompetensi Pensyarah PolyCC sebagai mentor usahawan pemula	373
5.1	Integrasi elemen personaliti altruisme, <i>enthusiasm</i> dan harmonisme di dalam pementoran usahawan pemula.	398





5.2	Rangka Kerja Kompetensi Pensyarah Sebagai Mentor Usahawan Pemula	449
5.3	Diagram Sinergi Pementoran Keusahawanan (DSPK) atau <i>"Entrepreneurship Mentoring Synergy Diagram (EMSD)"</i>	453



SENARAI SINGKATAN

PTK	Pelan Tindakan Keusahawanan
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
KPI	<i>Key Performnce Indicator</i> (Petunjuk Prestasi Utama)
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
PolyCC	Politeknik dan Kolej Komuniti
BPPD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar
MEA	<i>Ministry Entrepreneurship Award</i>
AKKPT	Anugerah Keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi
JPPKK	Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti
BPS	Bahagian Perancangan Strategik
BPD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar
PKS	Perusahaan Kecil Sederhana
JPT	Jabatan Pengajian Tinggi
ATE	<i>Attitude Towards Entrepreneurship</i>
EI	<i>Entrepreneurship Intention</i>
IRR	<i>Inter-rater Rate</i>
OKU	Orang Kelainan Upaya
KU	Ketua Unit

SENARAI LAMPIRAN

- A Protokol temu bual
- B Surat Lantikan Pakar Kesahan Instrumen
- C Komen Panel Instrumen
- D Instrumen Temu Bual Separa (pindaan selepas temu bual rintis)-
D1- Mentor
D2-Menti
- E Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan
E1-Pengesahan Pelajar Untuk Menjalankan Penyelidikan (UPSI)
E2- Surat & Borang Permohonan Menjalankan Penyelidikan di PolyCC
- F Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan (JPPKK)
- G Contoh Surat Permohonan Kebenaran Pengarah PolyCC Untuk Menjalankan
Penyelidikan
- H Borang Persetujuan
H1- Responden (pensyarah)
H2-Informan (usahawan pelajar)
- I Sampel e-mail Kepada Responden dan Ringkasan Penyelidikan Untuk Diberi
Kepada Responden
- J Catatan nota lapangan (P1)
- K Sijil Kehadiran Kursus Penyelidikan Kualitatif dan Kursus ATLAS.ti
- L Senarai item *Bracketing* (Pengurangan)
- M Sampel Surat Pengesahan Transkripsi
- N Borang Penilaian Antara Penilai (*IRR*) (Pakar 1, 2, dan 3)
- O Jejak Audit
- P E-mail dan Surat Lantikan Pakar Konsultasi Kebolehpindaan Dapatan
- Q Hasil Konsultasi Kebolehpindaan
- R Sijil Kursus dan Etika Penyelidikan



- S Nilai *IRR* bagi dapatan tema
- T Protokol Konsultansi Kebolehpindaan
- U Foto Ruang Kerja Responden
- V Analisis dokumen MEA 2021
- W Surat Lantikan Jawatankuasa SOP Inkubator PolyCC
- X Kertas Kerja Cadangan Garis Panduan *SOP* Kebenaran Berniaga PPPT (DH)
- Y Senarai Penerbitan Dan Inovasi
- Z Salinan Sijil MyIPO





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab satu ini merupakan pengenalan kepada penyelidikan yang dijalankan yang bertujuan memberikan gambaran tentang kompetensi pensyarah sebagai mentor usahawan pemula di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Bab ini memberikan pengenalan menyeluruh kepada penyelidikan yang dijalankan, bermula dengan latar belakang isu yang diselidiki sehingga kepada batasan dan kepentingan penyelidikan. Setiap komponen yang dibincangkan dalam bab ini, termasuk pernyataan masalah, tujuan dan objektif penyelidikan, persoalan penyelidikan, serta kerangka konseptual, membentuk asas yang penting dalam memahami konteks dan arah penyelidikan ini. Bab ini adalah berfungsi sebagai peta yang membimbing pembaca memahami struktur dan matlamat penyelidikan, sekaligus menggariskan jalan untuk mencapai hasil penyelidikan yang komprehensif dan bermakna.





1.2 Latar Belakang Penyelidikan

Pelan Tindakan Keusahawanan – Institusi Pengajian Tinggi (PTK-IPT) 2021-2025 (Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), 2020) pada Teras 1: Strategi 3 menerangkan tentang Ekosistem Keusahawanan Bersinergi iaitu keusahawanan di IPT memerlukan hubungan dan kolaborasi erat antara elemen keusahawanan iaitu pihak universiti, industri, kerajaan dan komuniti. Tiga (3) Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi teras ini adalah:

- 1) peratusan usahawan pelajar yang menjalankan perniagaan di dalam kampus sambil belajar,
- 2) peratusan usahawan siswazah yang memulakan perniagaan setelah tamat pengajian, dan
- 3) bilangan tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran keusahawanan.

KPI yang ditetapkan oleh KPT (Bahagian Perancangan Strategik, 2022), menyatakan bahawa sasaran pensyarah untuk menjadi mentor usahawan di IPT menjelang 2025 adalah seramai 4000 orang merangkumi semua universiti awam dan swasta di Malaysia serta Politeknik dan Kolej Komuniti (PolyCC). Bagi mencapai hasrat tersebut, peranan yang digalas oleh ahli akademik iaitu pensyarah di IPT menjadi semakin mencabar kerana perlu berusaha dalam mencapai sasaran KPI tersebut. Dalam hal ini, segala usaha dan langkah yang diambil oleh IPT mestilah mengambil kira potensi dan keperluan kemenjadian usahawan dalam kalangan pelajar dan graduan. Maka, pihak IPT perlu memberi perhatian kepada pelajar yang berpotensi untuk menjadi usahawan dengan membekalkan mereka mentor yang sepatutnya boleh



membimbing mereka menjadi usahawan, sekaligus mengekalkan perniagaan mereka terutama apabila sudah tamat pengajian.

Hakikatnya, pementoran adalah proses pemindahan pengetahuan antara orang yang lebih mahir dan berpengalaman (mentor) kepada usahawan pemula (menti). Pementoran ditakrifkan sebagai bimbingan daripada seseorang yang menguasai atau dianggap pakar dalam perkara-perkara tertentu yang dikongsi dengan orang lain yang memerlukan (Mouammer & Bazan, 2021; Pramudianto, 2015; Bozeman & Feene, 2007) terutama daripada segi pengetahuan dan pengalaman (Haneberg & Aaboen, 2022; Nabi, Walmsley & Akhta, 2021; Fachauld, Aaboen & Haneberg, 2022) dalam tempoh masa yang panjang (Neila Sulung, 2016). Federal Aviation Administration (2011) mentakrifkan mentor dengan lebih terperinci, iaitu sebagai seorang individu yang mempunyai pengalaman atau kepakaran di dalam bidang tertentu, memberikan lebih banyak galakan, nasihat dan sokongan kepada menti yang kurang berpengalaman, dengan tujuan untuk membantu orang yang sedang dibimbing itu.

Daripada definisi ini dapat disimpulkan bahawa terdapat dua pihak yang terlibat dalam proses pementoran iaitu mentor dan menti. Mentor berusaha untuk membina kebijaksanaan dan keupayaan dengan menerapkan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman (Haneberg & Aaboen, 2022; Nabi et al., 2021; Bricker 2021; Kakouris & Morseli, 2020) kepada ahli baru di dalam bidangnya (Michael, 2008). Samada mentor secara formal atau tidak formal, kedua-duanya, bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan keseluruhan individu yang dibimbing dengan penekanan kepada kategori pembangunan individu (Street, Ng & Al-Dajani, 2023; Bricker, 2021) yang berbeza mengikut tahap permulaan dan jenis perniagaan (Bruce & Bridgeland, 2014).



Idealnya mentor adalah mereka yang berpengalaman, berjaya dan berkemahiran di dalam bidangnya (Mouammer & Bazan, 2021; Pramudianto, 2015; Bozeman & Feene, 2007), dan ini membawa maksud bahawa mentor bagi seorang doktor perlu dalam kalangan doktor, mentor kepada guru, adalah mereka dalam kalangan guru atau mentor bagi jurutera adalah dalam kalangan jurutera juga. Mentor yang kompeten adalah mereka yang berpersonaliti, berkemahiran, berpengalaman dan berpengetahuan (Haneberg & Aaboen, 2022; Nabi et al., 2021; Bricker 2021; Kakouris & Morseli, 2020) dalam bidang yang sedang diberi pementoran (Mouammer & Bazan, 2021; Pramudianto, 2015; Bozeman & Feene, 2007). Pementoran mempunyai peranan penting dalam proses memulakan perniagaan (Street et al., 2022; Kubberød & Ladegard, 2021) terutama di IPT kerana ianya melibatkan proses peralihan dari dunia akademik kepada kehidupan sebenar sebagai usahawan (Fauchald, Aaboen, & Haneberg, 2022; Kakouris & Morseli, 2020; Chang & Cheng, 2022).

Memandangkan, pada peringkat permulaan ini, usahawan mempunyai risiko kekurangan peralatan dan sokongan (nasihat, bantuan praktikal), maka pementoran kepada usahawan pemula adalah sangat diperlukan (Zhang, 2023; Nate, Grecu, Stavytsky & Kharlamova, 2022; Kubberød & Fosstenløyken, 2018; Masha, Shava, Mambiravana & Bwowe, 2022; Nabi et al., 2021). Keadaan ini menyebabkan pensyarah di IPT bukan sahaja perlu menjalankan tugas akademik malahan perlu terlibat dalam pementoran usahawan (Trilaksono, Marchalina, Sasmoko, Indrianti & Yusak, 2022; Middleton et al., 2020; Sansone et al., 2021b) walaupun mereka tidak yakin dengan kemampuan mereka untuk menjadi mentor usahawan (KPT, 2020).





Di dalam sistem pendidikan pengajian tinggi, pensyarah adalah merupakan ahli akademik dan arif dalam bidang akademik tersebut, tetapi dilantik menjadi mentor kepada pelajar untuk menjadikan pelajar tersebut sebagai seorang usahawan semasa dalam pengajian dan diharap pelajar tersebut dapat mengekalkan perniagaan mereka apabila menamatkan pengajian kelak. Pensyarah bukan sahaja perlu mahir di dalam bidang akademik malahan memerlukan iltizam dan komitmen yang tinggi serta perlu berkemahiran dalam bidang keusahawanan bagi mencapai agenda utama KPT untuk melahirkan 6% graduan sebagai usahawan pada tahun 2021 dan 2022, manakala pada 2023-2024 peratus sasaran adalah 8%, dan 10% adalah bagi tahun 2025 (KPT, 2020).

Menurut Laporan Pengesanan Graduan 2020, yang dipetik daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (BPPD) (2021a), melaporkan tren kadar graduan yang menceburi bidang keusahawanan sepanjang 2016-2020 adalah pada tren meningkat. Menyedari hakikat tersebut, pemeraksanaan aktiviti keusahawanan melalui pendekatan mentor keusahawanan dalam kalangan pensyarah, telah diberi perhatian bagi memastikan agenda kerajaan ini terus dilaksanakan dan dicapai. Sejak 2012, Kementerian Pengajian Tinggi telah memperkenalkan Anugerah Keusahawanan (MEA), yang kemudiannya dinamakan sebagai Anugerah Keusahawanan KPT (AKKPT) pada tahun 2021 bagi memperkukuh ekosistem keusahawanan di IPT. Anugerah ini turut merangkumi kategori Mentor Keusahawanan Terbaik sebagai pengiktirafan terhadap peranan pensyarah dalam membimbing pelajar (KPT, 2020). Tahap keberkesanan mentor keusahawanan dalam memberi pengalaman dan kelestarian perniagaan adalah agak tinggi (Ting, Feng, & Qin, 2017) dan mentor keusahawanan dianggap sebagai cara yang berkesan untuk melatih usahawan baru (permulaan) di seluruh dunia (Ting et al., 2017). Kesimpulannya, mentor sangat





penting bagi usahawan pemula di IPT kerana mentor berfungsi memberikan pandangan, nasihat, sokongan, pengalaman, jaringan dan motivasi yang dapat membantu pelajar memulakan dan menguruskan perniagaan.

1.3 Pernyataan Masalah

Di antara permasalahan utama dalam usaha melahirkan usahawan di IPT Malaysia ialah kekurangan pensyarah yang mempunyai kepakaran keusahawanan, yang secara langsung menjejaskan ketersediaan mentor untuk membimbing dan mempengaruhi perkembangan keusahawanan pelajar (KPT, 2020). Walaupun data JPPKK (2023) menunjukkan peningkatan jumlah pensyarah berkepakaran dari tahun ke tahun, bilangan ini masih belum mencukupi untuk mencapai sasaran 4,000 mentor menjelang 2025. Di PolyCC khususnya, pencapaian KPI berkaitan pelajar dan graduan yang menjadi usahawan menunjukkan penurunan keseluruhan dari tahun 2020 hingga 2022, sekali gus menggambarkan cabaran dalam usaha mencapai sasaran yang ditetapkan KPT. KPT (2020) melaporkan bahawa ramai pensyarah enggan mengambil peranan sebagai mentor kerana merasakan diri tidak berkemahiran dan menganggap ia menambah beban tugas hakiki (Mei & Symaco, 2020; Birdthistle et al., 2023). Tambahan pula, ketiadaan garis panduan jelas mengenai kompetensi mentor menimbulkan kekaburan, menyebabkan sebilangan pensyarah kurang berminat untuk terlibat. Sedangkan, peranan mentor adalah kritikal kepada usahawan pemula yang berhadapan keterbatasan sumber, risiko kegagalan dan kekurangan pengalaman. Mentor yang kompeten bukan sahaja menyumbang pengetahuan dan kemahiran, tetapi juga berperanan sebagai sumber inspirasi, sokongan moral dan jaringan yang dapat





membantu mengekalkan kelestarian perniagaan mentee (Nabi et al., 2021; Zhang, 2023). Masalah utama dalam proses kemenjadian usahawan di Politeknik Malaysia adalah berpunca dari dua faktor iaitu faktor dalaman pelajar dan faktor luaran (Rizal et al., 2020). Salah satu faktor luaran yang ditemui dalam penyelidikan ini, adalah masalah pensyarah yang tidak kompeten dalam pembentukan usahawan kerana kekurangan latihan dan pengalaman (Rizal et al., 2020).

Masalah lain yang dikenal pasti ialah terdapat pensyarah yang bukan usahawan dilantik sebagai mentor usahawan di PolyCC. Fenomena ini menimbulkan kontradiksi terhadap konsep kompetensi kerana idealnya mentor sepatutnya datang daripada kalangan usahawan berpengalaman. Walaupun terdapat segelintir pensyarah PolyCC yang berjaya melahirkan usahawan pelajar, bilangannya masih terlalu kecil berbanding jumlah keseluruhan pensyarah (KPT, 2022a; Nik Maheran, 2021). Dalam penyelidikan ini, kompetensi ditakrif berasaskan Teori Kompetensi McClelland (1963) yang menekankan personaliti, pengalaman, kemahiran dan pengetahuan sebagai faktor utama (Kumar & Kayalvizhi, 2024). Namun begitu, teori ini tidak menekankan aspek psikospiritual, sedangkan dimensi nilai dan motivasi dalaman terbukti mendorong pensyarah untuk lebih istiqamah, teliti, ikhlas dan bertanggungjawab dalam menjalankan peranan sebagai mentor. Justeru, jurang teori ini ingin diisi dengan memasukkan elemen psikospiritual Islam seperti taklif, ihsan, itqan dan istiqamah sebagai dimensi tambahan dalam kerangka kompetensi mentor usahawan di PolyCC. Tanpa sokongan mentor yang kompeten, usahawan pemula bukan sahaja berdepan risiko kegagalan awal, tetapi juga kesukaran mengekalkan kelestarian perniagaan dalam jangka panjang, terutamanya selepas tamat pengajian.





1.4 Tujuan Penyelidikan / Kenyataan Tesis

Memandangkan mentor usahawan dalam kalangan ahli akademik yang kompeten adalah berpotensi untuk merealisasikan kemenjadian usahawan graduan, maka penyelidikan ini menghasilkan satu kerangka kompetensi mentor usahawan dalam kalangan pensyarah agar menjadi garis panduan pihak berkepentingan dalam membangunkan mentor usahawan yang bukan dalam kalangan usahawan berjaya.

1.5 Objektif Penyelidikan

Secara khusus, penyelidikan ini dijalankan untuk mencapai enam objektif berikut:



- 1) meneroka personaliti pensyarah mentor, yang berjaya membimbing menti melestarikan perniagaan.
- 2) menyelidik pengalaman pensyarah mentor, yang berjaya membimbing menti melestarikan perniagaan.
- 3) menyelidik kemahiran pensyarah mentor, yang berjaya membimbing menti melestarikan perniagaan.
- 4) menyelidik ilmu pengetahuan pensyarah mentor, yang berjaya membimbing menti melestarikan perniagaan.
- 5) meneroka sumber inspirasi/motivasi (psikospiritual Islam) yang menjadikan pensyarah mentor bersungguh-sungguh menjalankan tanggungjawab sebagai mentor.
- 6) mencadangkan kerangka model kompetensi pensyarah mentor usahawan.





1.6 Persoalan Penyelidikan

Berdasarkan objektif penyelidikan, penyelidikan ini dijalankan bagi mencapai enam persoalan penyelidikan. Berikut adalah persoalan penyelidikan bagi penyelidikan ini.

- 1) Bagaimanakah personaliti pensyarah sebagai mentor usahawan, menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti?
- 2) Bagaimanakah pensyarah menggunakan pengalaman, semasa pementoran usahawan pemula bagi menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti?
- 3) Bagaimanakah pensyarah menggunakan kemahiran, semasa pementoran usahawan pemula bagi menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti?
- 4) Bagaimanakah pensyarah menggunakan pengetahuan, semasa pementoran usahawan pemula bagi menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti?
- 5) Bagaimanakah pensyarah menggunakan psikospiritual Islam, semasa pementoran usahawan pemula bagi menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti?
- 6) Apakah kerangka model kompetensi mentor usahawan pemula dalam kalangan pensyarah?

1.7 Kerangka Konseptual Penyelidikan

Dalam penyelidikan, kerangka konseptual adalah membimbing penyelidik dan menentukan apakah yang harus diteroka. Penyelidikan ini memberi tumpuan kepada kompetensi mentor yang merangkumi personaliti, pengalaman, sikap, kemahiran



pengetahuan, dan sumber inspirasi atau motivasi pensyarah mentor dalam pementoran tersebut.

Seorang mentor usahawan perlu memiliki pengetahuan tentang teori dan dunia keusahawanan sebenar (Haneberg & Aaboen, 2020; Hanim et al., 2020; Street et al., 2022; Kakouris & Morselli, 2020; Nate et al., 2022; Lyu et al., 2023; Zhang & Nong, 2023). Teori keusahawanan melibatkan konsep inovasi (Zhang & Nong, 2023), keusahawanan sosial, dan keusahawanan tradisional. Dunia keusahawanan sebenarnya melibatkan pembangunan produk, pemasaran, pengurusan kewangan, dan pengurusan risiko.

Pensyarah sebagai mentor usahawan perlu mempunyai pengalaman praktikal, kemahiran pendidikan yang baik, pengetahuan industri, pemikiran kritis, dan kemahiran komunikasi (Poskanzer, 2022; Riter, 2020; Sanchez-Burks et al., 2017). Menggabungkan teori dengan pengalaman sebenar membantu pelajar memahami keusahawanan dalam konteks praktikal (Pittaway et al., 2023; Natalaya, 2023) manakala kepakaran mengajar, menjadikan pensyarah boleh membimbing pelajar menjadi usahawan melalui cabaran dan peluang yang ada (Jones et al., 2021b; Decker-Lange et al., 2022). Ini mewujudkan bakal usahawan yang boleh mengaplikasikan pengetahuan dan kebolehan mereka dalam dunia keusahawanan yang dinamik.

Kemahiran pementoran (Sanchez-Burks et al., 2017) memainkan peranan penting dalam perkembangan individu. Kemahiran mendengar memerlukan kesabaran dan pemahaman, manakala kemahiran memberi maklum balas memupuk komunikasi yang berkesan (Zhang & Nong, 2023; Parker et al., 2022; Ting et al.,

2017). Kemahiran mendengar, memberi maklum balas, membuat keputusan, dan menerima pendapat juga penting dalam menyokong pembangunan dan perkembangan perniagaan menti. Kemahiran membuat keputusan melibatkan analisis dan pertimbangan, manakala kemahiran menaakul melibatkan kebijaksanaan dan pengurusan konflik.

Dalam konteks teknologi, kemahiran menggunakan teknologi menjadi semakin penting pada masa kini. Ini melibatkan keupayaan untuk mengawal peralatan dan perisian moden, mengintegrasikan teknologi (Fauchald et al., 2022; Haneberg & Aaboen, 2020; Ludzinska, 2023; Riter, 2020) dalam pelbagai aspek kehidupan, dan memahami serta mengatasi cabaran yang mungkin timbul daripada perkembangan teknologi terutama terhadap perniagaan (Deng et al., 2022; Memon et al., 2018).

Kemahiran ini membolehkan individu berfungsi dengan cekap dalam masyarakat yang semakin bergantung kepada teknologi.

Apabila kita mengaitkan Model Personaliti Lima Utama dengan kompetensi mentor, ia dapat melihat bagaimana ciri personaliti ini boleh mempengaruhi gaya pementoran dan hubungan antara mentor dan menti (Halimatun Saadiah et al., 2023; Karlsdottir et al., 2022; Leonell, 2022; Bazkiaei et al., 2020). Kestabilan Emosi (*Neuroticisme*) merujuk kepada mentor yang mempunyai kestabilan emosi yang tinggi mungkin lebih mampu mengendalikan tekanan dan ketidakpastian, memberikan kestabilan kepada menti mereka dan mengendalikan konflik dengan berkesan (Al-Ghazali, Shah, & Sohail, 2022; Sahinidis, Xanthopoulou, & Tsaknis, 2021; Tsaknis, Sahinidis, Xanthopoulou, & Vassiliou, 2022; Kritikos & Alexander, 2022; Widiawan & Igel, 2022; Karlsdottir et al., 2022; Nur Fardeana et al., 2020;

Leonell, Francesca & Masciarelli, 2020). Personaliti ekstraversi pula merujuk kepada kompetensi mentor yang mempunyai semangat ekstraversi yang tinggi akan lebih mudah untuk berinteraksi dengan orang lain, membina hubungan dan memberikan sokongan sosial yang kuat kepada mentee mereka (Bazkiaei et al., 2020; Nur Fardeana et al., 2020). Keserasian yang tinggi dalam diri mentor membolehkan mereka membina hubungan yang baik dengan mentee, memahami keperluan mereka dan mewujudkan persekitaran pementoran yang positif (Karlsdottir et al., 2022; Halimatun Saadiah et al., 2023).

Manakala personaliti keterbukaan berkait dengan keterbukaan kepada idea-idea inovatif (Karlsdottir et al., 2022) dan bersedia mencuba pendekatan baharu (Bazkiaei et al., 2020; Nur Fardeana et al., 2020) dalam proses pementoran, dan membantu mentee melihat peluang dengan pandangan yang lebih luas. Elemen terakhir adalah ketelitian yang tinggi dalam diri mentor mencerminkan tanggungjawab dan kawalan diri (Bricker, 2021; Digman, 1990). Mentor ini akan lebih cekap dalam membantu mentee mereka bentuk matlamat, mengejar sasaran pencapaian dan meningkatkan prestasi perniagaan. Mentor yang memahami dan boleh menggabungkan ciri-ciri personaliti ini dalam pementoran mereka dapat mewujudkan hubungan yang kukuh dan produktif dengan mentee mereka.

Faktor motivasi, nilai, dan karakter juga memainkan peranan penting sebagai elemen kompetensi (Kumar & Kayalvizhi, 2024), mempengaruhi prestasi dan tingkah laku individu dalam pelbagai konteks dan memberi kesan kepada prestasi serta tingkah laku individu terhadap kerjaya. Dalam konteks pendekatan kompetensi,

pemahaman dan memanfaatkan motivasi, nilai dan karakter adalah penting untuk meningkatkan kemahiran profesional dan mencapai matlamat organisasi. Apa sahaja yang membuatkan seseorang itu berjaya perlu dikenal pasti dan diajar kepada orang lain bukan hanya pengetahuan, kemahiran, personaliti dan pengalaman, sebaliknya perlu memberi tumpuan kepada nilai, karakter dan faktor motivasi tertentu yang konsisten di dalam diri individu yang membezakan kecemerlangannya daripada orang lain (David Mc Clelland (1963) di dalam Kumar & Kayalvizhi, 2024).

Penyepaduan nilai Islam ke dalam pementoran keusahawanan mewakili pendekatan holistik (Muhamad Afiq et al., 2020) yang melangkaui kompetensi pengetahuan dan kemahiran. Ia merangkumi pemupukan nilai tertentu, sifat perwatakan, dan motivasi yang konsisten dengan prinsip Islam (Syed Muhammad Hilmi et. al., 2023) untuk membezakan kecemerlangan individu dan memupuk usaha niaga keusahawanan yang mampan. Ciri-ciri pengurusan Islam seperti kejujuran, kerja keras, integriti, dan pentadbiran yang teratur sebagai faktor penyumbang kepada kejayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam konteks Islam (Ishaq & Abbass, 2020; Lisnawati & Ahman, 2019; Machmud & Hidayat, 2020). **Jadual 1.1** menunjukkan formulasi teori kompetensi mentor usahawan yang menjadi asas kepada pembinaan kerangka konseptual penyelidikan ini. Elemen-elemen yang digariskan dalam jadual tersebut seterusnya membentuk kerangka konseptual kajian seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 1.1**.


**Jadual 1.1***Formulasi teori kompetensi mentor usahawan*

Konstruk	Konsep	Rujukan
Personaliti	Merujuk kepada personaliti mentor dalam pementoran yang merangkumi karakter luar dan sifat dalaman. Keperibadian dan perwatakan individu yang boleh dilihat oleh mata kasar juga sikap individu yang melibatkan emosi, perasaan dan fikiran yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar.	David Mc Clelland di dalam Kumar dan Kayalvizhi (2024), Memon, Rozan, Ismail, dan Jahanzeb, 2018; Hanim Zainal et al., (2020), Leonelli, Pietro, dan Masciarelli, (2020), St-Jean dan Jacquemin, (2022), Aydogdu, (2019).
Pengalaman	1) Pengalaman dalam berniaga 2) Pengalaman dalam pementoran	David Mc Clelland di dalam Kumar dan Kayalvizhi (2024), Memon et al., (2018), Hanim Zainal et al., (2020), Haneberg dan Aaboen (2020), Fauchald et al., (2022), Mei dan Symaco (2020), Street et al., (2022), Santa-Ramirez (2022), Chang dan Cheng (2022), Garcia (2021).
Kemahiran	Kemahiran mentor merujuk kepada kepakaran yang dimiliki oleh mentor dalam bidang yang merangkumi kemahiran teknikal dan pengurusan pementoran.	David Mc Clelland di dalam Kumar dan Kayalvizhi (2024); Hanim Zainal et al., (2020), Street et al., (2022), Chang dan Cheng, (2022), Garcia (2021), Memon et al., (2018), Mouammer dan Bazan (2021).
Pengetahuan	Pengetahuan tentang perniagaan / keusahawanan	David Mc Clelland di dalam Kumar dan Kayalvizhi (2024), Hanim Zainal et al., (2020), Street et al., (2022), Haneberg dan Aaboen, (2020), Fauchald et al., (2022), Garcia (2021), Mouammer dan Bazan (2021), Aydogdu (2019).
Faktor motivasi	Nilai, karakter, motivasi tertentu yang konsisten di dalam diri individu yang membezakan kecemerlangannya daripada orang lain.	Kumar dan Kayalvizhi (2024).



Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kompetensi Pensyarah.



Diadaptasi dari David Mc Clelland (1963) di dalam Kumar dan Kayalvizhi (2024).



1.8 Definisi Operasional

Definisi operasional dalam kajian ini merujuk kepada penerangan khusus tentang bagaimana elemen-elemen penting ditakrif dan diuraikan berdasarkan kajian literatur terdahulu serta pemahaman penyelidik. Takrifan ini digunakan sebagai asas untuk menganalisis data dan membina kerangka kefahaman yang selaras dengan objektif penyelidikan.

1.8.1 Mentor

Mentor merupakan seseorang yang lebih berpengetahuan dan berpengalaman (Haneberg & Aaboen, 2020) di dalam bidangnya. Menurut Achkar et al., (2023), mentor adalah seseorang yang aktif memeriksa mentee melalui telefon, email atau pertemuan berkala bagi melihat perkembangan dan kemajuan mentee. Mentor juga berperanan menjadi seorang pendengar yang baik, pembimbing, mengarah, menyokong dengan baik segala usaha mentee, bekerjasama dengan mentee dalam pembangunan projek terutama yang berkaitan dengan perniagaan dan berkongsi kebijaksanaan samada secara bertulis atau tidak bertulis. Mentor juga merujuk kepada penglibatan individu yang berpengalaman dan berpengetahuan yang meluangkan masa, berkongsi pengetahuan dan usaha untuk memberikan sokongan pembangunan kepada mentee (Achkar et al., 2023) dan mempunyai kemampuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran, profesionalisme, keperibadian dan kerjaya. Secara khususnya, mentor dalam penyelidikan ini adalah merujuk kepada pensyarah PolyCC yang menjalankan peranan sebagai mentor kepada usahawan pemula dalam kalangan pelajar PolyCC.





1.8.2 Menti

Menti bermaksud seseorang yang menggunakan analogi kapal kosong, yang akan menerima bimbingan daripada individu yang lebih berpengalaman (Kochan 2013 di dalam Parker et al., 2022). Istilah *mentee* telah diserapkan ke dalam bahasa Melayu dengan ejaan yang betul ialah menti (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2023). Bagi tujuan penyelidikan ini, menti adalah merujuk kepada pelajar di PolyCC yang memulakan perniagaan atau sedang berniaga di PolyCC yang mendapat pementoran keusahawanan daripada pensyarah.

1.8.3 Pementoran

Pementoran adalah istilah yang sama makna dengan *mentoring* di mana perkataan ini telah dijadikan Bahasa Melayu (Dewan Bahasa Pustaka 2023), iaitu proses membimbing yang melibatkan dua pihak iaitu mentor dan menti. Pementoran adalah aktiviti di mana seseorang yang lebih berpengetahuan (Haneberg & Aaboen, 2020; Fauchald et al., 2022) dan berpengalaman (Haneberg & Aaboen, 2020; Kakouris & Morselli, 2020; Murray, 2001) terlibat untuk membantu membangunkan profesionalisme (Mouammer & Bazan, 2021) di dalam bidangnya untuk masa akan datang. Pementoran dalam penyelidikan ini adalah merujuk kepada proses membimbing usahawan pemula dalam kalangan pelajar oleh pensyarah di PolyCC. Proses pementoran ini bermula daripada permulaan idea untuk membuka perniagaan sehingga pelajar mampu memperolehi pendapatan daripada perniagaan yang diusahakan semasa dalam pengajian sehinggalah pelajar mampu mempertahankan perniagaan mereka apabila mereka bergraduasi. Perniagaan tersebut tidak semestinya



perniagaan yang sama, tetapi merujuk kepada kemenjadian usahawan yang mana diakhirnya pelajar-pelajar ini mampu menjana pendapatan dan memberi peluang pekerjaan kepada orang lain.

1.8.4 Mentor Keusahawanan

Mentor keusahawanan adalah seseorang yang membimbing usahawan dalam perjalanan keusahawanannya yang memberi sokongan peribadi secara sukarela dalam membantu usahawan muda mengembangkan kebolehan dan kemampuan mereka memandangkan mereka memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka secara sendirian (YBI, 2018). Dalam konteks penyelidikan ini, mentor adalah pensyarah PolyCC yang membimbing pelajar ke arah kemenjadian usahawan. Mentor keusahawanan akan bertindak sebagai penasihat perniagaan, pembimbing pengurusan dan pemantau operasi perniagaan pelajar. Justeru, pemilihan mentor keusahawanan adalah dibuat berdasarkan kriteria-kriteria tertentu agar mentor dapat menjalankan fungsi dengan baik bagi memastikan pelajar mendapat bimbingan yang sepatutnya.

1.8.5 Usahawan Pemula

Usahawan pemula adalah individu yang mencipta dan mengurus usaha mereka (Politis 2008), manakala Liu, Gorgievski, Zwaga dan Paas, (2022a) merujuk kepada pelajar IPT yang berada dalam peringkat pertama operasi memulakan perniagaan semasa dalam pengajian. Dalam penyelidikan ini, usahawan pemula merujuk kepada pelajar PolyCC yang memulakan perniagaan semasa dalam pengajian di PolyCC sama ada benar-benar baru memulakan perniagaan atau pun meneruskan perniagaan yang telah





dimiliki atau perniagaan warisan keluarga yang mula diuruskan oleh pelajar. Mereka ini sering berhadapan dengan cabaran dari segi kekangan modal, pengalaman terhadap serta keseimbangan antara akademik dan perniagaan. Justeru, bimbingan mentor yang kompeten amat penting bagi memastikan kelangsungan serta kelestarian perniagaan usahawan pemula.

1.8.6 Kompetensi

Teori kompetensi ini mula diperkenalkan oleh David McClelland pada sekitar 1960an dengan mengatakan apa sahaja yang membuatkan seseorang itu berjaya perlu dikenal pasti dan diajar kepada orang lain iaitu personaliti, kemahiran, pengalaman, pengetahuan. Teori kompetensi ini terus berkembang dengan pertambahan elemen nilai karakter / faktor motivasi (Kumar dan Kayalvizhi, 2024) sebagai elemen kompetensi. Bagi tujuan penyelidikan ini, kompetensi adalah merujuk kepada personaliti, pengalaman, kemahiran, pengetahuan dan nilai positif dalam diri individu.

1.8.7 Personaliti Lima Utama

Personaliti adalah karakter luar dan sifat dalaman individu (Memon et al., 2018; Hanim Zainal et al., 2020; Leonelli et al., 2020; St-Jean & Jacquemin, 2022; Aydogdu, 2019). Personaliti atau keperibadian ditakrifkan sebagai himpunan pola emosi, pemikiran dan perlakuan unik yang dimiliki seseorang dan ianya kekal dengan masa (Leonelli et al., 2020; Cervone & Pervin, 2023), di mana akan melahirkan tindak-tanduk bagi menzahirkan ciri-ciri kawalan emosi dan pemikiran (Leonelli et al., 2020; Cervone & Pervin, 2023; Nur Fardeana Arifin et al., 2020).



Dalam penyelidikan ini, personaliti adalah merujuk kepada Personaliti Lima Utama yang dimiliki oleh mentor. Personaliti Lima Utama pertama kali diterangkan oleh ahli psikologi Paul Costa dan Robert McCrae pada akhir 1970-an dan 1980-an yang digunakan sebagai rangka kerja untuk memahami perbezaan individu dalam personaliti (Halimatun Saadiah et al., 2023; Karlsdottir et al., 2022; Leonell, 2022; Bazkiaei et al., 2020;). Personaliti Lima Utama tersebut adalah neurotisme (*neuroticism*), ekstrasversi (*extraversion*), keterbukaan (*openness*), keserasian (*agreeableness*) dan ketelitian (*conscientiousness*). Dalam penyelidikan ini, Personaliti Lima Utama adalah merujuk kepada lima personaliti tersebut yang dimiliki oleh mentor dan bukannya yang dimiliki oleh mentee.

1.8.8 Altruisme

Altruisme pada asasnya diperkenalkan oleh Auguste Comte (1822) sebagai pandangan hidup atau amalan yang mengutamakan kebajikan orang lain berbanding kepentingan diri sendiri. Menurut Nurhayati (2021), Sri Rahmawati (2019), Anggraini dan Hartini (2022), serta Windmann dan Binder (2024), altruisme merupakan motivasi untuk meningkatkan kesejahteraan orang lain secara tulus tanpa mementingkan diri. Unsur-unsur altruisme merangkumi empati, tanggungjawab, kepercayaan, kerjasama, perkongsian, rendah ego, membantu, pengorbanan serta keberanian mengambil risiko (Pamungkas & Muslikhah, 2019; Wulandari, 2022; Kuswoyo & Muhopilah, 2020). Dalam konteks kajian ini, definisi operasional altruisme merujuk kepada sikap pensyarah mentor yang rela membantu, menyokong, dan berkorban demi kejayaan mentee tanpa mengutamakan kepentingan diri, demi melestarikan perniagaan usahawan pelajar.

1.8.9 *Enthusiasm*

Enthusiasm ditakrifkan sebagai keghairahan, semangat tinggi, serta sokongan sepenuh hati dalam melaksanakan sesuatu tugas (Kamus Inggeris-Melayu Dewan). Menurut Liu, Zhang, Zhao dan Jia (2021), Cui (2022), serta Vogelaar, Dijk dan Dijk (2025), *enthusiasm* melibatkan semangat, tenaga, keinginan yang kuat, kreativiti, inovasi, serta komitmen tinggi dalam mencapai matlamat. Ia juga dikaitkan dengan sikap positif yang menggalakkan orang lain dan kesanggupan menerima pengalaman baharu (Dewaele & Li, 2021; Rakhmonovich, 2022; Yitshaki, 2025). Dalam konteks kajian ini, definisi operasional *enthusiasm* merujuk kepada keinginan yang sangat kuat, melebihi kebiasaan, dengan komitmen tinggi, berfokus dan sangat bertekad yang ditunjukkan oleh pensyarah mentor dalam membimbing mentee sehingga mampu memberi dorongan,

1.8.10 Harmonisme

Harmonisme merujuk kepada keadaan harmoni yang menekankan keselarasan, kesesuaian dan kemesraan dalam hubungan sosial (Kamus Dewan, 2005; Kamus Pelajar, 2015). Dalam konteks pementoran, harmonisme boleh ditunjukkan melalui hubungan bermakna antara mentor dan mentee (Newsome, 2020; Jennerdene et al., 2023), kewujudan *chemistry* yang positif (Garvey & Stokes, 2022), sikap saling mendengar dengan baik (Newsome et al., 2021), keakraban (Jennerdene et al., 2023), serta penciptaan situasi saling menguntungkan atau *win-win* (Martinez et al., 2018; Saino, 2019). Justeru, dalam tesis ini, harmonisme ditakrifkan sebagai keupayaan seorang mentor untuk membina dan mengekalkan hubungan mentor-mentee yang



berasaskan keharmonian, keserasian emosi, dan saling melengkapi dalam usaha membimbing keusahawanan pelajar.

1.8.11 Pengalaman

Pengalaman perniagaan dalam kalangan mentor usahawan (Haneberg & Aaboen, 2020; Hanim et al., 2020; Street et al., 2022; Kakouris & Morselli, 2020; Nate et al., 2022; Lyu et al., 2023; Zhang & Nong, 2023) merupakan salah satu elemen kompetensi yang diperlukan dalam kompetensi mentor usahawan. Selain itu, pengalaman dalam pementoran juga dapat meningkatkan kredibiliti dan reputasi mentor usahawan (Fauchald et al., 2022). Pengalaman dalam perniagaan dan pengalaman sebagai mentor dapat meningkatkan keupayaan untuk memberikan bimbingan yang relevan, dan menyokong usahawan dalam proses pembangunan perniagaan (Morland et al., 2021; Nate et al., 2022; Fauchald et al., 2022; Ludzinska, 2023). Di dalam penyelidikan ini, pengalaman adalah merujuk kepada pengalaman dalam perniagaan dan pengalaman sebagai mentor samada mentor usahawan atau mentor di dalam bidang lain iaitu tidak terhad kepada mentor usahawan sahaja.

1.8.12 Kemahiran

Kemahiran yang berkaitan dengan keusahawanan merupakan kompetensi utama bagi seorang mentor untuk memudahkan pementoran (Street et al., 2022; Haneberg & Aaboen, 2020). Di dalam penyelidikan ini, kemahiran adalah merujuk kepada kemahiran pementoran, termasuk kemahiran mendengar dan menyoal dengan secara aktif (Garcia, 2021; Nabi et al., 2021; Badwan & Rentocchini, 2022), memberikan



maklumbalas yang baik (Badwan & Rentocchini, 2022; Nabi et al., 2021), serta membimbing dalam proses pembuatan keputusan (Chang & Cheng, 2022) agar dapat membantu mentee dalam membuat keputusan dengan baik. Di dalam penyelidikan ini, kemahiran adalah merujuk kepada kemahiran yang berkaitan dengan keusahawanan, termasuk kemahiran pengurusan yang mencakupi kemahiran menguruskan perniagaan dan kemahiran pementoran.

1.8.13 Ilmu Pengetahuan

Pengetahuan merupakan elemen kompetensi (Lv et al., 2022; Mei & Symaco, 2020; Ludzinska, 2023) yang diperlukan oleh mentor usahawan terutamanya pengetahuan tentang bidang perniagaan yang sedang dibangunkan oleh mentee (Svensson, 2021; Martinez, et al., 2018). Bagi tujuan penyelidikan ini, ilmu pengetahuan adalah merujuk kepada bidang akademik, taraf pendidikan, latihan dan pembangunan kerjaya yang dimiliki oleh responden.

1.8.14 Psikospiritual Islam dalam Pementoran

Psikospiritual Islam adalah teori yang mengoperasikan konsep seperti jiwa, hati dan diri sebagai asas kepada teori dan amalan Islam psikologi manusia (York Al-Karam, 2018; Keshavarzi, Khan, Ali & Awaad, 2021; Rothman, 2021). Teori ini merupakan suatu pendekatan bimbingan atau pementoran yang menggabungkan aspek kerohanian dan keagamaan yang bersumberkan al-Quran dan Hadis (Rahman et. al, 2023). Psikospiritual Islam menggunakan prinsip-prinsip Islam, termasuk tauhid iaitu kepercayaan kepada keesaan Tuhan untuk memberikan pemahaman tentang kesihatan



mental, perkembangan peribadi, dan kesejahteraan keseluruhan (Muhammad Afiq et. al., 2023; Hamim, 2010; Abu Dardaa, Khazri, & Ahmad Irdha, 2020). Bagi tujuan penyelidikan ini, psikospiritual Islam adalah merujuk kepada amalan dan konsep kerohanian di dalam jiwa pensyarah semasa menjalankan tanggungjawab sebagai mentor usahawan iaitu *taklif*, *ihsan*, *itqan*, dan *istiqamah*.

1.8.15 *Taklif*

Menurut Zulhelmy, Abrar, dan Firdaus (2023), Abdul-Rahim dan Goddard (1998), serta Catic (2023), *taklif* secara operasional merujuk kepada tanggungjawab moral individu untuk melaksanakan kewajipan agama dengan berpegang kepada prinsip akauntabiliti terhadap Tuhan, di mana setiap tindakan akan dipertanggungjawabkan di akhirat. Zuhdi (2023) juga menekankan kepentingan memenuhi amanah serta menjaga kesejahteraan diri dan orang lain sebagai sebahagian daripada tuntutan agama dan moral. Dalam penyelidikan ini, penyelidik mendefinisikan *taklif* sebagai sikap individu yang bertanggungjawab atas tindakan mereka terhadap Tuhan, dengan penekanan kepada kewajipan memenuhi amanah dan kesejahteraan bersama.

1.8.16 *Ihsan*

Menurut Hasan Al-Bana, Norashikin, Elmi, Sayuti, dan Azmi (2024), Cheumar et al. (2022), dan Sidek Baba (2018), *ihsan* merujuk kepada perbuatan baik yang dilakukan dengan penuh keikhlasan dan integriti. Meliza, Widiyanti, dan Khasanah (2024), bersama Cahyono, Mahdi, dan Moch. Iqbal (2024), serta Yusuf (2024), menyatakan bahawa *ihsan* melampaui keperluan atau kewajipan, sementara Rima (2021) dan Savitri





dan Muchlis (2024) pula menekankan bahawa perbuatan ini bertujuan memberi manfaat kepada orang lain. Bagi tujuan penyelidikan ini, penyelidik mendefinisikan *ihsan* sebagai tindakan melakukan kebaikan secara ikhlas dan dengan penuh integriti, melebihi sekadar menunaikan kewajipan, serta bertujuan memberi kesan positif kepada kesejahteraan orang lain (menti).

1.8.17 *Itqan*

Menurut Hakki (2020) dan Hasan Al-Bana et al. (2024), *itqan* adalah merujuk kepada sikap bekerja dengan penuh kesungguhan, ketelitian, dan komitmen dalam melaksanakan tugas sehingga mencapai tahap kesempurnaan dan kualiti terbaik, yang dilakukan dengan rasa tanggungjawab dan tanpa rasa putus asa. Ahmad Faosiy dan Asia Mus'ad (2013), bersama Nur Fatin Nabilah dan Siti Arni (2021), menyatakan bahawa *itqan* merangkumi usaha berterusan untuk mencapai hasil yang maksimum melalui dedikasi dan keikhlasan, yang menggambarkan usaha mendapatkan hasil kerja yang berkualiti dari segi fizikal. Di dalam penyelidikan ini, penyelidik mendefinisikan *itqan* sebagai sikap bekerja dengan penuh kesungguhan, ketelitian, dan komitmen dalam setiap tugas, berterusan hingga mencapai tahap kualiti terbaik, dengan tanggungjawab yang tinggi dan tanpa putus asa, untuk memperoleh hasil yang berkualiti secara menyeluruh.

1.8.18 *Istiqamah*

Istiqamah didefinisikan sebagai konsistensi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab (Ahmad, Abu, & Salmy, 2023) dengan beretika, tekun, dan berdisiplin,





yang selari dengan prinsip keteguhan dan kepercayaan kepada Allah seperti yang digariskan dalam Surah Al-Hud 11:112 (Falikhatun & Suparno, 2015; Wijayanti et al., 2020). Dalam konteks penyelidikan ini, *istiqamah* merujuk kepada daya tahan dan usaha berterusan untuk membantu mentee, di mana mentor mengekalkan disiplin dan komitmen tinggi dalam pengurusan mentee mereka.

1.9 Batasan Penyelidikan

Penyelidikan ini mempunyai beberapa batasan yang menghadkan dapatan penyelidikan iaitu:

- 1) Sampel penyelidikan - Responden yang dipilih adalah dalam kalangan mentor dari PolyCC. Oleh yang demikian, data yang diperolehi adalah terbatas kepada pensyarah PolyCC yang telah menjadi mentor sahaja.
- 2) Fokus – penyelidikan ini hanya merujuk kepada mentor usahawan dalam kalangan pensyarah kepada usahawan pemula dalam kalangan pelajar sahaja dan bukan kepada semua usahawan pemula dalam pelbagai sektor.
- 3) Maksud bagi setiap elemen yang diselidik adalah terhad kepada definisi operasional sahaja. Misalnya, konsep personaliti mentor adalah hanya merujuk kepada Personaliti Lima Utama sahaja dan bukan konsep personaliti lain.
- 4) Penyelidikan ini dijalankan menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan fenomenologi, oleh itu dapatan kajian adalah berasaskan pengalaman dan pandangan peserta yang terlibat secara langsung. Kajian ini tidak menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan analisis statistik berskala besar dan juga tidak bersifat





keratan rentas (*cross-sectional*) yang membolehkan generalisasi menyeluruh. Justeru, hasil kajian ini lebih menekankan kepada kefahaman yang mendalam mengenai fenomena kompetensi pensyarah sebagai mentor usahawan dalam konteks PolyCC, berbanding menghasilkan inferens yang bersifat umum terhadap semua institusi pengajian tinggi.

1.10 Kepentingan Penyelidikan

Dengan meneroka pengalaman mentor membimbing pelajar bermula dari memulakan perniagaan ketika sedang dalam pengajian, seterusnya mengekalkan perniagaan tersebut selepas menamatkan pengajian, penyelidikan ini telah menjana data dan maklumat baru bagi menghasilkan kerangka kompetensi yang boleh digunakan oleh mentor usahawan pelajar dalam kalangan pensyarah. Dengan meneroka personaliti dan pengalaman mentor ini, penyelidikan ini telah menghasilkan satu kerangka kompetensi seorang mentor usahawan pelajar dalam kalangan ahli akademik. Secara ringkasnya, kepentingan penyelidikan adalah seperti berikut:-

1.10.1 Kerajaan - Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Jabatan Pengajian Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Penyelidikan ini dapat memberi sumbangan kepada bidang pendidikan keusahawanan dalam sistem pengajian tinggi di Malaysia. Hasil penyelidikan ini membolehkan pihak KPT memahami proses kemenjadian dan kelestarian usahawan dalam kalangan pelajar dan graduan institusi pengajian tinggi melalui kaedah pementoran usahawan. Ianya boleh dijadikan panduan dan asas kepada perancangan KPT dalam memberi latihan





pementoran usahawan kepada ahli akademik. Pembuat dasar juga boleh mencipta model penyelesaian masalah yang berkaitan melalui hasil dapatan penyelidikan ini. Perancangan yang teliti dengan mengambil kira dapatan penyelidikan ini, akan dapat membantu usaha pencapaian Teras 1: Startegi 3 (PTK 2021-2025) iaitu melahirkan pensyarah berkepakaran keusahawanan dengan lebih sistematik.

1.10.2 Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Dapatan penyelidikan ini memberi sumbangan ilmu pengetahuan kepada pengurusan dan Ketua Pusat Keusahawanan di IPT dalam membentuk strategi serta pendekatan bagi kemenjadian usahawan dalam kalangan pelajar dan kelestarian usahawan dalam kalangan graduan. Pihak berkenaan boleh memberi fokus yang lebih terhadap program pementoran keusahawanan khususnya untuk digunakan oleh pensyarah yang dilantik sebagai mentor usahawan. Organisasi juga boleh menyediakan kursus-kursus yang berkaitan kompetensi mentor (yang didapati daripada penyelidikan ini) bagi memantapkan mentor-mentor usahawan menjalankan tugas.

1.10.3 Pensyarah PolyCC

Penyelidikan ini membantu penambahan penguasaan pengetahuan di bidang pementoran keusahawanan dan akan melancarkan tugas pensyarah jika dilantik sebagai mentor usahawan. Dapatan penyelidikan ini diharapkan dapat mempersiapkan pensyarah dengan kompetensi yang perlu dimiliki iaitu personaliti, pengalaman, kemahiran, pengetahuan dan nilai untuk menjalankan tanggungjawab sebagai mentor usahawan. Dapatan penyelidikan ini juga dapat dijadikan panduan oleh pensyarah bagi





melengkapkan diri dengan kompetensi mentor usahawan agar matlamat pementoran usahawan pemula di PolyCC khususnya atau di IPT lain dapat dicapai dengan lebih mudah.

1.10.4 Penyelidik dan Penulis Pementoran Usahawan

Dalam penyelidikan ini, ianya menghimpunkan pelbagai literatur berkaitan pementoran keusahawanan. Hal ini sekaligus menyediakan kepada penyelidik atau penulis yang cenderung terhadap pementoran keusahawanan untuk menjadikan dapatan penyelidikan ini sebagai bahan rujukan atau bacaan untuk penyelidikan akan datang. Fokus utama penyelidikan ini adalah pementoran keusahawanan di IPT, kepentingan dan model-model kompetensi mentor usahawan dalam kalangan pensyarah di beberapa negara lain. Literatur berkaitan hal tersebut yang terdapat dalam penyelidikan ini dapat dijadikan rujukan oleh penyelidik lain. Tema elemen kompetensi yang ditemui dalam penyelidikan ini juga boleh diuji pada penyelidikan akan datang melalui penyelidikan dalam reka bentuk kuantitatif.

1.10.5 Komuniti

Penyelidikan ini diharapkan dapat menghasilkan model kompetensi mentor usahawan yang membantu pensyarah membimbing usahawan pelajar secara lebih terancang dan berkesan, sekali gus menyokong kemenjadian usahawan serta kelestarian perniagaan graduan. Hasilnya bukan sahaja membuka peluang pekerjaan dan perniagaan baharu kepada komuniti, malah dapat disepadukan dengan ekosistem keusahawanan IPT untuk meningkatkan pencapaian KPI KPT serta menyumbang kepada pengurangan kadar





pengangguran graduan IPT. Dalam konteks komuniti, dapatan penyelidikan ini berpotensi menggalakkan pembangunan ekonomi setempat melalui penghasilan produk dan perkhidmatan baharu. Ia juga dapat mewujudkan jaringan kolaborasi antara graduan usahawan dengan masyarakat setempat bagi menyokong ekosistem perniagaan mikro dan kecil. Selain itu, kelestarian perniagaan graduan turut menyumbang kepada peningkatan taraf hidup komuniti melalui peluang pekerjaan, penjana pendapatan serta aktiviti sosial yang lebih inklusif.

1.11 Rumusan

Bab ini telah membincangkan latar belakang, pernyataan masalah, kerangka teori, kerangka konseptual penyelidikan, objektif, persoalan, kepentingan, batasan dan definisi operasional penyelidikan. Bab ini telah membincangkan latar belakang kajian yang menekankan kepentingan pementoran dalam melahirkan usahawan pelajar di IPT khususnya di PolyCC. Permasalahan utama yang dikenal pasti ialah kekurangan pensyarah dengan kepakaran keusahawanan, ketidakjelasan garis panduan peranan mentor, serta penurunan pencapaian KPI pelajar dan graduan yang menjadi usahawan antara tahun 2020 hingga 2022. Penyelidikan ini bertujuan untuk meneroka kompetensi pensyarah sebagai mentor usahawan dengan merujuk kepada Teori Kompetensi McClelland yang meliputi personaliti, kemahiran, pengalaman, pengetahuan, serta nilai dan motivasi. Namun begitu, jurang teori wujud kerana teori ini tidak mengandungi elemen psikospiritual Islam yang turut memberi kesan kepada keberkesanan pementoran. Selain itu, wujud juga jurang konseptual dalam mendefinisikan mentor usahawan, di mana secara idealnya seorang mentor ialah usahawan berjaya, tetapi di





PolyCC peranan ini lebih banyak dipikul oleh pensyarah bukan berlatarbelakangkan keusahawanan. Justeru, penyelidikan ini penting untuk menilai dan membina kefahaman baharu mengenai kompetensi pensyarah sebagai mentor dalam menyokong kelestarian perniagaan pelajar. Perbincangan ini memberikan gambaran awal aspek penting di dalam penyelidikan ini selain memudahkan kefahaman terhadap penggunaan istilah yang terdapat dalam penyelidikan ini. Maklumat tentang penyelidikan ini dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab seterusnya.

